

PUSAT WARISAN KEBUDAYAAN BAWAH AIR BORNEO

New Sabah Times, ms.7 dan 8 , 5 Oktober 2009
JAKARIA DASAN, jakaria@ums.edu.my

Terdapat banyak tempat menarik di Sabah yang sering menjadi daya tarikan untuk para pelawat dari dalam dan luar negara datang mengunjunginya. Tempat-tempat menarik itu bukan hanya mengekalkan ciri-ciri semula jadinya malah mempunyai artifak-artifak sejarah yang kerap menjadi sumber kajian dan rujukan para penyelidik dari seluruh dunia. Namun, masih banyak yang boleh dilakukan bagi memastikan tempat-tempat menarik itu ‘mesra pelawat.’ Sudah tentu ianya memerlukan komitmen pihak kerajaan, swasta, pertubuhan bukan kerajaan dan masyarakat itu sendiri. Selain itu, penemuan khazanah lama yang melambangkan keadaan hidup masyarakat silam seperti yang terdapat di dasar laut di sekitar perairan Tanjung Simpang Mengayau contohnya, wajar diabadikan secara serius bagi memperkembangkan dan meningkatkan lagi pakej daya tarikan Tanjung Simpang Mengayau khasnya, dan negeri Sabah amnya.

Buku bertajuk “Arkeologi Maritim Borneo – Kajian di Tanjung Simpang Mengayau” hasil tulisan dan suntingan Baszley Bee Basrah Bee dan Bilcher Bala, dua orang penyelidik dan pensyarah Universiti Malaysia Sabah menyingkap lebih lanjut mengenai potensi Tanjung Simpang Mengayau sebagai Pusat Warisan Kebudayaan Bawah Air Borneo. Selama tiga dekad perkembangan arkeologi maritim Malaysia, banyak penemuan tapak baharu dan kajian yang telah dilakukan sama ada dari perspektif ilmiah mahupun salvaj komersil. Pada dua dekad awalnya, perkembangan lebih tertumpu kepada perairan Selat Melaka dan bahagian timur Semenanjung Malaysia. Penjarahan tapak Risdam di perairan Mersing pada tahun 1983 hinggalah usaha salvaj tapak Royal Nanhai pada tahun 1996 telah membayangi perkembangan arkeologi maritim negara ini. Walau bagaimanapun, senario ini mula berubah apabila perkembangan arkeologi maritim Malaysia memasuki alaf baharu pada abad ke-21.

Sabah yang dahulunya terpinggir dari arus perkembangan disiplin ini mula membuka lembaran baharu yang menjanjikan senario yang lebih positif dengan penemuan tapak Tanjung Simpang Mengayau Wreck di perairan Kudat, Sabah pada tahun 2003, diikuti dengan penemuan tapak Tiga Papan Wreck, Skulls Wreck, Canon Wreck, Coral Wreck dan Kalampuniam Wreck yang telah mencetuskan satu era baharu dalam perkembangan arkeologi maritim negara. Bermula dari projek salvaj komersil hingga ke beberapa siri kajian ilmiah antara tahun 2003 hingga 2007, data arkeologi maritim baharu dan interpretasi terkini diperolehi. Interpretasi awal ke atas data-data tersebut membuktikan bahawa perairan Tanjung Simpang Mengayau sejak seribu tahun lalu merupakan laluan dan gerbang maritim terpenting bagi kapal-kapal dagang China untuk masuk ke Kepulauan Borneo dan Nusantara.

Buku ini merupakan antara karya komprehensif yang pernah diterbitkan di Malaysia mengenai sebuah kawasan medan kajian arkeologi bawah air yang luas dari perspektif arkeologi maritim. Paparan hasil kajian dan interpretasi awal dirasakan mampu memberi panduan kepada kajian selanjutnya dalam usaha melestarikan warisan kebudayaan bawah air Sabah dan Malaysia khasnya dan Kepulauan Borneo umumnya. Menurut En. Baszley Bee, penyunting dan penulis utama buku ini, penyelidikan dan penulisan berkaitan dengan arkeologi maritim dan arkeologi

secara umum di Malaysia bukanlah suatu perkara yang baharu. Pengetahuan beliau yang begitu tinggi ditambah pula dengan pengalaman menjalankan kajian maritim yang meluas telah menjadikan buku ini mendapat garapan idea dan fakta yang sungguh bermaklumat dan menarik untuk dibaca. Penulis mula berjinak-jinak dengan dunia arkeologi pada tahun 1991 ketika mengikuti latihan ekskavasi di Gua Taat, Ulu Terengganu hinggalah diberi kepercayaan untuk menjadi pengarah lapangan Projek Ekskavasi Fasa I Bangunan Dato' Jaafar Muhammad, Johor pada tahun 1995. Berlatarbelakangkan pengetahuan teknologi maklumat dan survei penderiaan jauh, beliau dicadangkan untuk menjurus kepada bidang arkeologi bawah air oleh Jabatan Sejarah, UKM pada tahun 1997. Atas pengetahuan inilah juga sebuah syarikat salvaj komersil tempatan yang dikenali sebagai Transea Sdn. Bhd dan kemudiannya Saga Horizon bersetuju untuk menggunakan kepakaran beliau dalam dua projek antarabangsa di Vietnam pada tahun 1997 dan 1998.

Projek ekskavasi arkeologi maritim ini telah diselia oleh sepasukan pakar arkeologi bawah air dari Universiti Oxford dan York Archaeological Trust yang diketahui oleh Mensun Bound. Syarikat dan penyeliaan pakar dari England ini juga bertanggungjawab dalam projek ekskavasi tapak Nassau di Selat Melaka pada tahun 1995. Beliau telah diberi kepercayaan untuk menjadi pengurus jumpaan dalam dua projek. Sebelum itu, beliau telah dihantar ke Singapura selama sebulan bagi membangunkan makmal arkeologi di atas pelantar penyelidik yang dikenali sebagai ABEX bersama dengan Frank Pope, penulis terkenal buku bertajuk Dragon Sea (2007). Di samping itu, beliau juga bertanggungjawab dalam mengkatalogkan secara digital setiap jumpaan. Sekembalinya dari dua projek tersebut, beliau telah diberi kepercayaan oleh Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM untuk menyertai Pameran Penyelidikan Institut Pengajian Tinggi Awam 2001 di PWTC Kuala Lumpur antara tanggal 25 hingga 28 Oktober 2001. Pameran bertemakan kajian arkeologi bawah air bertajuk Excavation of Nassau and Johor River telah berjaya meraih tempat kedua. Pencapaian ini menjadikan beliau antara pelopor dan peneraju utama dalam kajian arkeologi maritim di Malaysia pada ketika itu.

Penemuan beberapa artifak dari kawasan perairan Tanjung Simpang Mengayau yang dilaporkan oleh En. Bilcher Bala kepada beliau pada tahun 2003 merupakan titik tolak kepada usaha kajiannya di Sabah. Perpindahan beliau dari Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, UKM ke Sekolah Sains Sosial, UMS pada bulan Oktober 2004 menjadi titik mula kepada usaha ini. Dengan kepakaran yang beliau miliki dan bantuan kepakaran sejarah maritim Borneo En. Bilcher Bala, penyelidik dari Jabatan Muzium Sabah dan pihak Jabatan Muzium Malaysia telah menghasilkan beberapa penemuan yang memberangsangkan. Ribuan artifak di dasar laut Tanjung Simpang Mengayau berjaya ditemui dan dikeluarkan untuk tujuan penyelidikan. Penemuan ini menandakan dan membuktikan bahawa kawasan perairan utara Borneo (Tanjung Simpang Mengayau) merupakan suatu laluan dagang yang sangat penting kepada perdagangan maritim antara negara China dan Nusantara suatu masa dahulu. Malah, kawasan ini turut menjadi laluan pilihan oleh para pedagang Barat yang ingin ke negara Timur (China dan Jepun khususnya) dan sebaliknya.

Sesungguhnya kebudayaan maritim merupakan elemen utama yang telah membentuk entiti politik, ekonomi dan sosial di alam Nusantara bermula ketika zaman Neolitik Akhir sekitar 4500 tahun yang lalu. Di rantau sebelah utara kepulauan ini yang meliputi Kepulauan Filipina-Borneo, elemen ini dibuktikan dengan penemuan arkeologi berkaitan dengan kewujudan tapak-tapak

petempatan prasejarah dan kemudiannya kerajaan pelabuhan. Bukti-bukti ini menunjukkan bahawa proses migrasi Asia Pasifik oleh rumpun Austronesia (Melayu Polinesia) dari wilayah Formosa (Taiwan) bermula sekitar 6000 tahun lalu telah menjadikan kepulauan Filipina-Borneo sebagai kawasan petempatan baharu dan persinggahan maritim yang aktif untuk beberapa ribu tahun.

Proses ini juga bertanggungjawab menjana kedinamikan perubahan ketiga-tiga entiti tersebut dalam tempoh yang amat lama. Pandangan ini seiring dengan teori kemunculan zaman Neolitik di Asia Tenggara yang diperjuangkan oleh Heekeren (1957), Sorenson (1963), Roger Duff (1970) dan Bellwood (1979). Penulis yang berpegang kepada teori migrasi Asia Pasifik atau teori gelombang kedua (Melayu Proto dan Melayu Deutro) juga bersandarkan kepada penemuan arkeologi di bahagian utara Borneo. Bukti arkeologi mengenai aktiviti maritim prasejarah masyarakat Austronesia yang telah ditemui di tapak prasejarah Bukit Tengkorak juga menyokong fakta ini. Bukti-bukti khususnya tembikar dan peralatan batu yang ditemui di tapak tersebut mempunyai hubungan yang rapat dengan penemuan di tapak-tapak lain di timur Kepulauan Nusantara malah hingga ke tapak Talasea di utara New Britain. Tidak dapat disangkal bahawa bahagian utara Borneo adalah sebahagian dari proses migrasi prasejarah ini. Asas pembentukan kebudayaan maritim prasejarah ini tidak terhenti apabila rumpun ini akhirnya membina permastautin dan kebudayaan Polinesia di rantau Pasifik.

Tanjung Simpang Mengayau berada antara Kepulauan Filipina dan Borneo. Keadaan ini memberi kelebihan fizikal kepadanya sebagai mercu tanda maritim Borneo. Kedudukannya dalam konteks sejarah perdagangan maritim pada era Dinasti Song tidak dapat dipertikaikan lagi. Kejelasan bukti arkeologi menunjukkan kawasan perairan ini disusuri oleh kapal-kapal dagang China untuk ke perairan pantai barat Borneo. Terdapat tiga laluan maritim Asia Tenggara yang digunakan pedagang China untuk sampai ke Kepulauan Filipina-Borneo dan balik semula antara abad ke-7 hingga ke-14 Masihi. Laluan pertama dari selatan China merentasi Laut China Selatan ke Luzon, Mindoro, Visayan dan Mindanao kemudian melalui Tanjung Simpang Mengayau untuk ke Brunei dan Santubong. Laluan kedua pula dari selatan China ke Champa kemudian Mondoro dan Palawan terus ke Tanjung Simpang Mengayau untuk ke Brunei dan Santubong. Sementara itu, laluan ketiga dari selatan China ke Champa dan menyusuri Indochina, Thailand dan Semenanjung Tanah Melayu yang seterusnya naik semula menyusuri pantai barat Borneo dari Santubong ke Brunei dan Tanjung Simpang Mengayau untuk ke Kepulauan Filipina sebelum balik semula ke selatan China.

Oleh itu, tidak menghairankan jika kawasan perairan Tanjung Simpang Mengayau, Palawan dan Laut Sulu merupakan tapak kapal karam. Puluhan kapal ini tidak sampai ke pelabuhan untuk memperdagangkan barangan atau kembali ke China kerana kemalangan yang menimpa. Maklumat mengenai kewujudan tapak-tapak tersebut kebanyakan diketahui oleh pemburu harta kapal karam, salvaj komersil dan nelayan tempatan khususnya. Perkara ini disokong dengan penemuan ribuan artifak zaman Dinasti Tang dan Dinasti kemudiannya dalam kalangan pemilik individu dan penjual barangan antik haram ke daerah Kudat. Sesungguhnya perairan Tanjung Simpang Mengayau merupakan kunci kepada sejarah perdagangan maritim Borneo-China sejak lebih seribu tahun lalu. Kawasan ini perlu dipelihara dan dilindungi dari vandalisme warisan demi memastikan warisan kebudayaan bawah air Borneo dapat direalisasikan.

Menurut Baszley Bee lagi, hasil kajian arkeologi maritim telah terbukti sebagai salah satu produk pelancongan yang terlaris. Sehubungan itu sumber arkeologi sedemikian merupakan aset utama dalam mewujudkan sebuah muzium yang mempunyai nilai komersial, justeru perlu diwujudkan sebuah muzium khusus yang mempamerkan penemuan dari tapak-tapak kapal karam di perairan Tanjung Simpang Mengayau. Muzium ini kelak akan berfungsi sebagai pusat penyelidikan arkeologi maritim Sabah. Seperti kejayaan yang dicapai oleh beberapa buah muzium maritim negara-negara lain seperti Vasa Museum di Stockholm, Sweden; Bodrum Museum of Underwater Archaeology, Bodrum, Turki; National Museum, London, England; Mariner's Museum, Virginia; Whitefish Point Shipwreck Museum, Michigan; Vancouver Maritim Museum, British Columbia, Viking Ship Museum, Oslo dan Roskilde, Denmark; dan Schleswig-Holsteinisches Landesmuseum, Schleswig, Jerman. Melalui kajian di perairan Tanjung Simpang Mengayau, UMS berjaya meletakkan dirinya sebagai universiti utama dalam penyelidikan arkeologi bawah air dan maritim khususnya di negara ini.

Hal yang menarik dalam buku "Arkeologi Maritim Borneo" ini ialah meskipun penulisan bab dilakukan oleh penulis yang berbeza tetapi isi perbincangan mengarah kepada tema yang sama iaitu arkeologi maritim dengan sentuhan dari pelbagai aspek warisan kebudayaan maritim di Tanjung Simpang Mengayau. Kesemua bab menjurus kepada suatu kesimpulan yang sama seperti yang terkandung dalam bab akhirnya yang menyentuh mengenai masa depan penyelidikan arkeologi maritim di Tanjung Simpang Mengayau. Garapan isi perbincangan menunjukkan kesepakatan pandangan mengenai arkeologi maritim di Tanjung Simpang Mengayau dari pelbagai agensi terlibat iaitu Universiti Malaysia Sabah, Jabatan Muzium Malaysia dan Jabatan Muzium Sabah. Oleh itu, buku terbitan Penerbit UMS ini wajar menjadi rujukan terpenting mengenai perkembangan dan kajian arkeologi maritim Borneo di Tanjung Simpang Mengayau khususnya dan Malaysia umumnya. Penerbitan buku ini pasti akan menambah buku tentang arkeologi, khususnya arkeologi maritim yang tandus di Malaysia.

Perkara ini diakui sendiri oleh Yang DiPertua Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia, Prof. Dato' Dr. Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman yang berpandangan bahawa buku ini akan menjadi galakan kepada kegiatan arkeologi maritim di Malaysia yang sistematik dan mendorong penerbitan buku arkeologi maritim dalam bahasa Melayu pada masa akan datang. Beliau juga menambah, usaha Penerbit UMS yang membuka ruang berterusan untuk penulisan sedemikian adalah amat penting dalam melestarikan warisan negara dan kecemerlangan ilmu serta profesionalisme bukan sahaja ahli akademik universiti berkenaan tetapi mereka yang berkepakaran dari agensi lain sama ada di peringkat Persekutuan atau negeri. Kerjasama dengan universiti tempatan juga seharusnya dipertingkatkan dalam menjadikan UMS sebagai pusat kajian arkeologi Borneo sesuai dengan lokasinya dan statusnya sebagai antara universiti utama di Kepulauan Borneo.